

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN JULAI KKDW

PADA:

1 JULAI 2025 (SELASA)

LOKASI:

DEWAN SERI LESTARI

ARAS B1, KKDW

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMAH

Hadirin dan hadirat sekalian,

1. Sebelum kita bercakap tentang angka, tentang bajet dan prestasi, izinkan saya bawa kita kembali kepada asas paling penting, kenapa kita berada di sini. Setiap keputusan yang kita buat, setiap fail yang kita tandatangan - mungkin nampak kecil pada mata kita, tapi besar ertinya kepada rakyat.

2. Bayangkan seorang anak luar bandar akhirnya berjaya ke universiti kerana Dasar TVET Negara yang kita telah usahakan. Bayangkan sebuah perniagaan kecil mampu mencatat keuntungan - hanya kerana jalan, lampu dan air yang kita telah salurkan. Bayangkan sebuah keluarga Orang Asli yang akhirnya dapat memiliki tanah sendiri - apabila Akta 134 dipinda nanti.

3. Mereka mungkin tak kenal nama anda… tapi setiap malam, dia lafazkan doa..

“Ya Allah, terima kasih kerana bukakan jalan untuk aku, terima kasih buat mereka yang permudahkan urusanku”

4. Inilah erti sebenar tugas kita **- bukan sekadar datang bekerja, tetapi memberi makna kepada kehidupan.** Tahun ini, dengan izin Allah SWT, kita telah diberikan amanah besar untuk merencana pembangunan masyarakat desa, hampir **RM12 bilion** - dan sehingga hari ini, **RM3.37 bilion** telah pun dibelanjakan. Tetapi nilai yang besar bukanlah segalanya. Yang paling penting, sejauh mana kehidupan rakyat benar-benar berubah hasil usaha kita.

5. Saya percaya kerana di penghujung hari, rakyat tidak akan ingat siapa yang merasmikan projek. Tapi mereka lebih peduli - bila jalan dibuka, bila lampu menyala, bila anak mereka berjaya. Itulah yang kekal dalam ingatan.

6. Sebagai Menteri, tugas saya adalah untuk memberi arah, menyediakan landasan. Tetapi yang memastikan segalanya berjalan - adalah anda, semua yang berada di hadapan saya hari ini. Dan dalam 940 hari saya bersama

KKDW, saya tahu - anda semua telah melakukan yang terbaik.

7. Malah, telah melakukan perkara-perkara luar biasa yang kementerian lain pun belum tentu mampu lakukan. Sebab itulah KKDW diiktiraf antara kementerian yang terbaik. Syabas dan tahniah buat semua.

PEMETAAN MASA DEPAN DESA: TINDAKAN, PENYELARASAN DAN KEPIMPINAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Saya berbangga apabila melihat bagaimana dalam separuh pertama tahun ini, KKDW terus melangkah – merancang, melaksana dan mengubah realiti di lapangan. Agenda transformasi desa sedang giat digerakkan dan InsyaAllah **kita akan menutup tahun ini dengan pencapaian yang jauh lebih besar dan bermakna.**

9. Khamis lalu, kita telah melancarkan **Desa Kirana** - sebuah inisiatif baharu yang kita angkat sebagai *game changer* menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026. Program ini bakal membawa arus pelancongan ke kawasan desa, sekali gus memperkukuh ekonomi komuniti melalui pemerkasaan warisan budaya, keindahan alam semula

jadi, gastronomi tempatan, hasil kraftangan dan pelbagai aktiviti desa.

10. Saya mahu melihat satu hari nanti, ceruk desa kita - dari Arau ke Kudat, dari pedalaman Sabah hingga ke pesisir Sarawak - menjadi destinasi pelancong dunia. Seperti Lauterbrunnen di Switzerland, Hobbiton di New Zealand, Shirakawa-go di Jepun dan Ubud di Bali, Indonesia - tempat-tempat yang pernah sunyi, tetapi kini berdiri megah di peta pelancongan global.

11. Di sektor pendidikan pula, kita menyaksikan pencapaian luar biasa dalam keputusan SPM 2024. Seramai **1,670 daripada 7,650 pelajar MRSM** memperoleh semua A - satu peningkatan ketara berbanding **1,131 pelajar pada tahun 2023**. Lebih membanggakan, seramai **69 calon MRSM memperoleh semua A+** dalam kesemua subjek yang diambil, berbanding hanya 50 orang pada tahun sebelumnya.

12. Kesinambungan ini juga diterjemah dalam perjuangan kita melalui laluan TVET. Permohonan untuk kemasukan ke institusi TVET pada pengambilan Julai melonjak kepada **189,304 orang** - jauh melepasi sasaran. KKDW, dengan **280 institusi TVET** - terbanyak dalam kalangan semua

Kementerian, membuktikan peranannya sebagai pemangkin **mobiliti sosial**, terutamanya bagi anak-anak desa.

13. Setelah sekian lama diperjuangkan, kita kini berada di fasa akhir penyediaan draf pindaan **Akta 134** yang menyentuh pemilikan tanah masyarakat Orang Asli. Insya-Allah, ia akan **dimuktamadkan selewat-lewatnya September ini dan dibentangkan di Parlimen pada Mac 2026**.

14. Di **MEXCLUB** baru-baru ini, saya mendengar sendiri keluhan dari Exco-Exco Kerajaan Negeri. Isu-isu seperti **pertindihan program antara kementerian** dan **pengurusan peranan agensi** dibangkitkan secara terbuka. Susulan itu, kita bersetuju menubuhkan **High-Level Committee Pembangunan Desa (HLC)** untuk menyelaras semua inisiatif desa.

15. Saya berbangga melihat KKDW terus memainkan peranan di peringkat serantau. Baru-baru ini, kita berjaya menganjurkan **ASEAN TVET Council 4th Regional Policy Dialogue** di Melaka, yang menekankan peranan **TVET sebagai pemangkin transformasi sosio-ekonomi luar bandar ASEAN**. Hasilnya, **Malaysia telah diberi**

mandat untuk menerajui penyelarasan akreditasi industri TVET di seluruh rantau ini.

16. **Insya-Allah, usaha kita tidak terhenti di situ.** Pada Oktober ini, KKDW akan sekali lagi menjadi tuan rumah bagi **ASEAN Multi-stakeholder Dialogue on the ASEAN Master Plan on Rural Development** dan **ASEAN+3 Forum on Women and Digitalization**. Jadikan platform ini medan untuk kita mengetengahkan amalan terbaik kita, dan membawa agenda pembangunan desa Malaysia sebagai aspirasi serantau.

17. Selain itu, tidak lama lagi - kita akan menganjurkan **Karnival Mega 3 Dimensi** yang menghimpunkan tiga acara besar secara serentak: **Karnival Usahawan Desa**, **Hari Peneroka FELDA**, dan **Satu Daerah Satu Industri (SDSI)**. Ini adalah satu lagi **anjakan besar**, satu usaha strategik untuk mengangkat usahawan desa dan memperkukuh ekosistem keusahawanan luar bandar ke peringkat nasional dan global.

18. Saya mahu semua sektor yang terlibat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap usaha ini. Bukan sekadar menjayakan program tetapi mengangkatnya menjadi satu

gelombang baharu yang memperkukuh program *flagship* Kementerian.

19. *And make no mistake* - ***all eyes are watching.*** Bila kita mula melakukan sesuatu yang berani dan berimpak, ramai yang mula memberi perhatian. Saya percaya, KKDW kini berada pada satu tahap di mana rakyat, media dan pemimpin negara sedang memerhati apa yang kita lakukan. Dan saya yakin, dengan kekuatan kita sebagai satu pasukan, kita mampu mencipta perubahan.

REKALIBRASI PERANAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH

Hadirin dan hadirin sekalian,

20. Sebelum saya menyentuh secara khusus tentang KETENGAH, yang menjadi tuan rumah kita hari ini - izinkan saya bangkitkan sesuatu yang lebih besar. Sesuatu yang saya anggap perlu kita nilai semula bersama.

21. Apakah sebenarnya peranan **Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW)** dalam ekosistem pembangunan luar bandar hari ini? Saya lihat sekarang, LKW buat macam-macam. Ada yang kadang tidak kena dengan asas

penubuhannya. Bila saya teliti, kita perlu ***revisit*** **peranan sebenar LKW**.

22. **Kita perlu kembali kepada asas.** Fokus semula kepada membangunkan ekonomi tempatan, memperkukuh pendidikan, dan menyelaraskan pembangunan secara sistematik. **Jangan kita hilang arah.** Jangan kita letih merancang pelbagai program, tetapi akhirnya tidak mengena kepada sasaran sebenar. Sudah tiba masanya kita buat yang betul, bukan sekadar buat banyak.

23. Biarlah **pembangunan infrastruktur KKDW uruskan melalui JPD, JLP dan PAMS**, kemudian aspek perumahan **KKDW uruskan melalui PPRS.** LKW pula fokus semula kepada *core business* nya dan mencari ruang baharu untuk menjana pendapatan sendiri serta memberi nilai tambah kepada pemegang taruh.

24. Jangan ambil enteng tanggungjawab ini. Setiap LKW menjaga wilayah dan rakyat yang besar jumlahnya - **KETENGAH, KESEDAR, PERDA, KEDA, KEJORA** - semuanya memegang amanah kepada hampir 3 juta masyarakat desa. Kelompok ini bukan kecil. **Merekalah sebenarnya yang akan menentukan keberkesanan dasar-dasar Kerajaan di akar umbi.**

25. KETENGAH, misalnya - telah berusia **52 tahun**. Sepanjang tempoh itu, sebanyak **RM1.7 bilion** telah dibelanjakan untuk melaksanakan pelbagai program dan projek bagi membangunkan wilayah ini dan meningkatkan kesejahteraan masyarakatnya.

26. **Salah satu usaha yang saya banggakan dan yang saya mahu diperluaskan ialah pendekatan pertanian berimpak tinggi melalui Projek Agrotek Wilayah KETENGAH**. Dengan pendekatan konsep **pertanian pintar** bagi tanaman cili fertigasi ini, kita mampu meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

27. Setakat ini, **16,000 polibeg telah diusahakan di atas tanah 4 ekar oleh 4 orang peserta**. Saya percaya dengan bimbingan serta teknologi yang tepat, **projek ini berpotensi menghasilkan 96,000 kilogram cili dengan anggaran hasil jualan sebanyak RM576,000 setahun**.

28. ***This, to me, is what I call a game changer*.** Inilah maksud sebenar *back to basic* yang saya maksudkan. Kita tidak perlu mencari program yang besar hanya untuk memenuhi kalendar - yang kita perlukan ialah program

yang berfokus, berimpak, dan benar-benar memberi kelebihan kepada golongan sasar.

29. Selain itu, saya mahu **KETENGAH memacu transformasi pelancongan Tasik Kenyir melalui inisiatif Desa Kirana** — menjadikannya destinasi ikonik yang menyumbang kepada kejayaan Visit Malaysia.

30. Saya juga mahu Kolej KETENGAH juga *to move beyond borders* - dan bekerjasama rapat dengan MARA untuk memperkasa kepakaran pengajar, khususnya dalam bidang TVET - agar mutu pendidikan dan latihan dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

PENUTUP

31. Saya mahu kita teruskan kecemerlangan ini. Fikirkan apa sahaja cara untuk memastikan legasi ini bukan sahaja diteruskan, tetapi ditambah baik dan diperkasakan. Teknologi sudah di hadapan mata kita. *Technology is here to stay.* Kalau kita tidak berubah, tidak belajar, tidak menyesuaikan diri - kita yang akan tertinggal.

32. Saya mahu KSU meneliti semula sistem latihan sedia ada. Latihan kita mesti melangkaui rutin. Kita perlu mula

menyediakan warga KKDW dengan kemahiran teknologi masa kini seperti AI dan sistem digital terkini.

33. Bila kita mula kuasai teknologi, saya yakin KKDW akan melonjak jauh lebih ke hadapan dan membawa desa di seluruh negara bersama. Perubahan dan kemajuan desa tidak bermula di luar sana. Ia bermula di sini. Di KKDW.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.